



## **UCAPAN PERASMIAN**

**Y.A.B DATO' SERI DR. WAN AZIZAH DR. WAN ISMAIL**

**TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**MERANGKAP**

**MENTERI  
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**SEMPENA**

**MAJLIS JASAMU DIKENANG  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN  
MASYARAKAT**

**10.00 PAGI**

**28 FEBRUARI 2019 (KHAMIS)**

**DEWAN PERDANA NUR  
KPWKM**

## **SALUTASI**

**(Akan disediakan kemudian)**

BISMILLAHIRRAHMANI RAHIM  
ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM  
SEJAHTERA

1. Sama-sama kita rafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dapat kita berkumpul dalam majlis yang penuh makna pada hari ini.
2. Alhamdulillah dengan izin-Nya, kita dapat bersama-sama meraikan kakitangan dan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), yang telah bersara bermula awal tahun 2018 sehingga bulan Februari 2019.
3. Terima kasih diucapkan di atas kesudian tuan-tuan dan puan-puan meluangkan masa untuk menghadiri Majlis Jasamu Dikenang pada hari ini.
4. Majlis ini kita adakan untuk meraikan persaraan tuan-tuan dan puan-puan dalam perkhidmatan awam.

Saya pasti ada yang telah mempunyai pengalaman 20 atau 30 tahun dalam perkhidmatan sebelum bersara.

Hadirin yang dihormati sekalian,

5. Anda semua banyak berjasa membantu Kerajaan, melaksanakan pelbagai inisiatif untuk berkhidmat kepada rakyat dengan usaha memperkasakan golongan sasar kita.

6. Majlis Jasamu Dikenang ini hanyalah penghargaan kecil yang dapat dilaksanakan oleh pihak Kementerian, kecil jika dibandingkan dengan khidmat bakti yang telah YBhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-puan curahkan sepanjang perkhidmatan.
7. Di majlis ini, kita semua bersama-sama meraikan permata-permata yang berdedikasi, yang selama ini telah membantu menaikkan nama Kementerian Alhamdulillah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Sepanjang menjalankan tugas sebagai penjawat awam, saya pasti tuan-tuan dan puan-puan mempunyai pelbagai tips, pesanan dan cebisan pengalaman yang berguna untuk disampaikan.
9. Saya menyeru agar Pegawai-pegawai atau Kakitangan yang masih berkhidmat, terus berhubung dan jangan malu untuk mendapatkan nasihat daripada golongan senior yang telah banyak berjasa ini.
10. Nasihat dan tunjuk ajar anda semua boleh dijadikan pedoman untuk penjawat-penjawat awam muda supaya mereka sentiasa bersiap siaga menghadapi cabaran-cabaran yang akan datang.
11. Rasulullah s.a.w bersabda: "Sesiapa yang dapat menunjukkan suatu kebaikan (kemudian diikuti dan dilakukan kebaikan tersebut oleh seseorang yang lain) maka dia akan mendapat pahala seperti orang yang melakukannya." (Hadith riwayat Muslim)

12. Antara keutamaan hidup kita adalah, kita menunjukkan kebaikan kepada orang lain sama ada untuk kebaikan di dunia atau di akhirat dan pelakunya akan mendapat ganjaran pahala.
13. Walaupun YBhg. Datuk, Tuan-Tuan dan Puan-puan telah bersara, saya percaya masih ramai dalam kalangan anda yang mempunyai kepakaran, tenaga, bersemangat serta *passionate* untuk terus menabur bakti kepada masyarakat. Saya harap, tuan-tuan dan puan-puan juga bersedia untuk membantu kami.

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Kerajaan sentiasa prihatin terhadap golongan pesara yang mana majoritinya merupakan warga emas di Negara kita.
15. Sehubungan itu, Kerajaan tidak pernah melupakan golongan ini melalui penggubalan Dasar Warga Emas Negara yang diterajui oleh Kementerian ini.
16. Dasar ini menekankan supaya warga emas dapat hidup secara sihat, aktif, positif dan produktif.
17. Bagi mencapai objektif tersebut, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan oleh Kementerian ini bersama agensi-agensi lain.
18. Sebagai contoh, penubuhan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE).

Pusat aktiviti ini menggalakkan gaya hidup yang sihat, pembelajaran sepanjang hayat dan meningkatkan peluang pekerjaan kepada warga emas yang masih berminat untuk terus menyumbang kepada negara.

19. Selain itu, saya juga yakin bahawa kebanyakannya daripada pesara di sini sudah mempunyai perancangan dan persediaan persaraan yang komprehensif.
20. Walau apa jua perkara atau bidang yang ingin tuan-tuan dan puan-puan ceburi, pastikanlah agar perancangan rapi telah dibuat.
21. Sesetengah daripada anda telah mendapat ganjaran dalam bentuk wang tunai selepas bersara yang mengambil kira tempoh perkhidmatan dan gred gaji terakhir tuan-tuan dan puan-puan.
22. Nasihat saya, buatlah perancangan kewangan yang sebaiknya.  
Dapatkan khidmat nasihat sekiranya perlu.  
Dan yang paling penting, elakkan daripada menggunakan dalam pelaburan yang meragukan.
23. Saya juga berharap supaya kita semua dapat mengekalkan gaya hidup yang aktif dan sihat.  
Kawal pemakanan, seimbangkan gaya hidup dengan membuat aktiviti fizikal dan rehat yang secukupnya.
24. Akhir sekali, saya mewakili KPWKM ingin mengucapkan ‘Selamat Bersara’, terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua atas jasa dan khidmat bakti YBhg. Datuk, tuan-tuan dan puan-puan selama ini.

25. Sesungguhnya sumbangan dan bakti inilah yang telah banyak membantu kepada kecemerlangan KPWKM pada hari ini.

Semoga jasa yang telah dicurahkan akan menjadi contoh kepada warga Kementerian yang masih berkhidmat.

26. Sumbangan dan usaha yang telah diberikan pastinya akan terus dikenang dan persahabatan yang terjalin sepanjang perkhidmatan tidak akan terhenti di sini malah akan terus berkekalan.

27. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat maju jaya kepada tuan-tuan dan puan-puan dalam apa jua bidang yang diceburi.

Saya doakan semoga hari-hari persaraan tuan-tuan dan puan-puan dilimpahi segala rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahibarakatuh.